



# Caknawan

• JILID 6 BIL 2 •  
JULAI - DISEMBER  
2020

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



ISSN 2289-9340 - BERCETAK

9 772289 934000

# KELESTARIAN ENTITI PERNIAGAAN “SOCIAL ENTERPRISE” SEBAGAI PLATFORM KEUSAHAWANAN SOSIAL DI MALAYSIA

**Oleh: Dr Mohd Shahril Nizam B Md Radzi , Dr Raihani Bt Zainol, En Syarizal Bt Rahim**

Kemunculan keusahawanan sosial sebagai salah satu cabang keusahawanan telah mendapat perhatian dunia setelah kejayaan Grameen Bank sebagai satu medium baharu dalam pembasmian kemiskinan di Bangladesh. Keusahawanan sosial telah membuka satu dimensi baharu dengan menggunakan perniagaan sebagai medium pembangunan komuniti dan bukan hanya keuntungan peribadi semata-mata. Oleh yang demikian, entiti perniagaan di dalam keusahawanan sosial dilihat sebagai entiti hibrid yang mempunyai dua objektif utama iaitu; organisasi yang berasaskan keuntungan dan organisasi yang menggunakan majoriti keuntungannya untuk kepentingan sosial. Di beberapa negara, kita dapat melihat entiti perniagaan di dalam keusahawanan sosial ini telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan dengan beroperasi melalui entiti perniagaan tersendiri yang ditadbir oleh pemerintah melalui undang-undang yang khusus. Sebagai contoh, Community Interest Company Regulation 2005 di United Kingdom, B Corps di Amerika Syarikat dan Community Contribution Company di Kanada.

Di Malaysia, kepentingan keusahawanan sosial ini telah mula mendapat perhatian sebagai salah satu usaha dalam pembangunan sosio ekonomi rakyat. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) dalam memperkasakan keusahawanan sosial. Pada tahun 2019, Kerajaan Malaysia telah melancarkan Garis Panduan untuk Akreditasi Keusahawanan Sosial untuk mengenali dan menentukan status, dan juga ruang lingkup aktiviti perniagaan di dalam keusahawanan sosial di Malaysia. Dengan garis panduan ini hanya entiti yang mampu menghasilkan keuntungan sendiri, dan menggunakan majoriti keuntungan pada pembangunan sosial dan alam sekitar layak diiktiraf sebagai perniagaan di dalam keusahawanan sosial.

Bagi menggalakkan pertumbuhan organisasi ini kerajaan juga telah memberi pengurangan cukai 10 peratus bagi mereka yang menyumbang kepada organisasi keusahawanan sosial yang diiktiraf dan mempromosikan organisasi dalam pangkalan data kerajaan, beberapa insentif telah disampaikan. Terkini, Kementerian Pengajian Tinggi Negera juga telah memulakan langkah bijak dengan memperkenalkan kursus keusahawanan sosial di peringkat Universiti. Usaha ini dapat memupuk minat pelajar untuk menceburkan diri dalam cabang keusahawanan ini.

Namun disebalik usaha-usaha ini, organisasi keusahawanan sosial di Malaysia harus beroperasi disebalik entiti perniagaan komersial sedia ada. Di antara entiti-entiti perniagaan di Malaysia adalah Milikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Syarikat terikat kepada pelbagai undang-undang mengikut entiti yang dipilih seperti Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian 1961, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat 2016. Secara faktanya, kesemua entiti perniagaan ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan perniagaan bagi pengasasnya semata-mata. Sebagai contoh objektif utama penubuhan syarikat persendirian adalah untuk memberi keuntungan kepada pemegang saham dan bukannya faedah



secara langsung kepada masyarakat. Malahan, rangka perundangan yang mengawal selia operasi syarikat juga tidak menyokong objektif penubuhan entiti perniagaan di dalam keusahawanan sosial itu sendiri.

Bukan itu sahaja, pengoperasian entiti perniagaan berkonsepkan keusahawanan sosial menerusi entiti perniagaan konvensional ini juga mengalami masalah berkaitan dengan cukai. Ini kerana Akta Cukai Pendapatan 1967, tidak memperuntukkan entiti perniagaan melalui misi sosial untuk menikmati status pengecualian cukai secara automatik. Pada masa ini, hanya entiti kebajikan yang tidak menjalankan aktiviti keuntungan dan diiktiraf sahaja layak menerima pengecualian cukai sepenuhnya oleh kerajaan. Kesannya, entiti perniagaan keusahawanan sosial di Malaysia menerima layanan cukai sama seperti entiti perniagaan konvensional yang lain. Entiti-entiti perniagaan ini hanya layak menerima potongan cukai atas aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan atas kadar yang telah ditetapkan menurut Akta Cukai Pendapatan 1967. Situasi ini menyebabkan ketidakadilan berlaku kepada usahawan sosial di Malaysia. Ini kerana tujuan utama aktiviti perniagaan mereka adalah untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial dan bukannya keuntungan peribadi semata-mata.

Menyedari hakikat tersebut, adalah disarankan kepada kerajaan untuk menubuhkan satu entiti perniagaan khas untuk menyokong aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia. Penubuhan entiti khas perniagaan bagi aktiviti keusahawanan sosial ini amat penting bagi membezakan identiti entiti perniagaan konvensional dan berkonsepkan sosial itu sendiri. Untuk tujuan tersebut, adalah dicadangkan juga entiti perniagaan ini haruslah mempunyai ciri-ciri badan korporat bagi menjamin kelastariannya. Hal ini adalah kerana jika dibandingkan dengan entiti perniagaan yang lain seperti perkongsian dan milikan tunggal, badan korporat mempunyai ciri-ciri istimewa seperti mendokong prinsip undang-undang pengasingan entiti, liabiliti terhad kepada pengasasnya, hak untuk memiliki asset, dan hak untuk mengambil tindakan undang-undang di atas namanya sendiri. Kesemua ciri-ciri ini adalah berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Ratusan Tahun yang lalu menerusi kes *Solomon vs A Solomon* [1897] AC 22, dan prinsip ini terus digunakan oleh Mahkamah Malaysia melalui beberapa kes terdahulu seperti *Abdul Aziz Bin Atan & Ors v Ladang Rengo Malay Estate Sdn Bhd* [1985] 2 MLJ 165 dan *Hew Sook Ying v Hiw Tin Hee* [1992] 2 MLJ 189.

Kesemua ciri-ciri personaliti korporat ini dapat melindungi usahawan sosial itu sendiri, dan meningkatkan keyakinan orang ramai dan pelabur. Selain itu juga entiti korporat khas perniagaan ini juga harus dikawal selia oleh satu rangka perundangan yang komprehensif meliputi tadbir urus bermula dari penubuhan, pengurusan, pembahagian keuntungan dan pembubarannya. Ini adalah penting bagi memastikan entiti perniagaan ini terus mendapat kepercayaan masyarakat dan dalam masa yang sama mampu mencapai objektif sosialnya. Di dalam perkara ini contoh terdekat yang mungkin boleh dijadikan sebagai panduan adalah *Community Interest Company* di United Kingdom.

Sehubungan itu, cukai dianggap sebagai cabaran utama kepada keusahawanan sosial di Malaysia, penulis juga mencadangkan supaya satu cukai khas juga perlu diberi untuk entiti perniagaan keusahawanan sosial. Ini adalah untuk mengalakkan dan menyokong penubuhan tersebut. Keistimewaan cukai ini juga bukan sahaja kepada entiti perniagaan itu sendiri malah boleh digunakan kepada pelabur-pelabur atau pemegang syer di dalamnya.

Sebagai kesimpulannya, dengan ketidak tentuan ekonomi akibat virus covid, sudah tiba masanya kerajaan memberi tumpuan khusus kepada pembangunan keusahawanan sosial di negara kita. Dengan memperkenalkan entiti dan rangka perundangan khas bagi keusahawanan sosial ini kerajaan boleh menggalakkan masyarakat untuk menjalankan perniagaan yang mampu menjana keuntungan sendiri dalam membantu membangunkan ekonomi dan penyelesaian isu sosial rakyat. Dengan usaha ini, entiti keusahawanan sosial ini akan mampu bersaing bersama entiti-entiti perniagaan konvensional bukan sahaja bertaraf perusahaan sederhana malah mampu berkembang menjadi syarikat senarai awam.